

13/10/2003

Dr M sebagai harta awam perlu terus menyumbang

Hishamuddin Aun

ENAM belas bulan selepas temu bual pertama dengannya, Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf, sekali lagi menerima kunjungan rombongan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), yang diketuai Ketua Pengarang Kumpulan merangkap Pengarah Eksekutifnya, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Dalam temu bual selama 50 minit dengan Abdullah di Pejabat Presiden di sebuah kem tentera di Rawalpindi, Sabtu lalu, Musharraf menghuraikan pelbagai perkara daripada sumbangan yang boleh diberikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas persaraannya, perlunya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menjadi sebuah organisasi lebih berwibawa hinggalah kepada hubungan Pakistan-India yang kerap menyebabkan keresahan.

Temu bual berkenaan berlangsung dalam suasana penuh mesra. Berperwatakan serius ketika menangani soalan berat yang dikemukakan, Musharraf juga sesekali berderai dengan hilai-ketawa, terutama ketika dihadiahkan gambar yang memaparkan beliau bersama Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee, pada Sidang Puncak Indo-Pak di Jaypee Palace, Agra, pada 15 Julai 2001.

Ikuti temu bual penuh Abdullah yang turut disertai Pengarang Kumpulan Berita Harian, Hishamuddin Aun.

SOALAN: Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk saya dan pasukan saya sekali lagi. Hishamuddin Aun mengiringi saya pada pertemuan tahun lalu, manakala bagi tiga yang lain, Balan Moses, Chok Suat Ling dan Zahari Zakaria, ini kali pertama mereka di Pakistan.

Tuan Presiden akan ke Kuala Lumpur untuk kali ketiga dalam tempoh setahun. Kami gembira kerana anda akan datang ke Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Saya akan cuba mengemukakan seberapa banyak soalan dalam tempoh 30 minit yang diberikan. Tahun lalu, tempoh 45 minit yang diberikan berlanjutan sehingga satu jam 25 minit dan kami amat berterima kasih. Adakah ini tanda hubungan akrab antara dua negara kita atau, jika saya boleh menambah, antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Tuan Presiden?

MUSHARRAF: Pertamanya ialah rasa hormat saya kepada Dr Mahathir dan hubungan saya dengannya. Kedua ialah hubungan Pakistan dengan Malaysia dan ketiga, ingin saya nyatakan pentingnya Pakistan dan Malaysia menyumbang ke arah pembebasan dunia Islam. Pada saya, ketiga-tiganya adalah penting.

SOALAN: Apakah pada pandangan anda peranan yang perlu dimainkan Dr Mahathir di pentas antarabangsa selepas beliau bersara sebagai Perdana Menteri? Ada kalangan pemimpin Asean dan negara membangun lain, mahu beliau terus menjadi suara mewakili mereka kerana Dr Mahathir berupaya mengatakan sesuatu yang mereka sendiri tidak boleh atau tidak akan katakan. Apapun, Dr Mahathir sendiri telah berkata beliau akan melakukannya, malah mungkin lebih lantang selepas persaraan.

MUSHARRAF: (derai ketawa) Secara peribadi saya menganggap Dr Mahathir sebagai personaliti berpotensi besar dan berkedudukan pada kaca mata masyarakat dunia, terutama dunia Islam. Saya ingin menyatakan Dr Mahathir berupaya terus menyumbang kepada dunia Islam. Lantaran itu, perlu dibincangkan bagaimanakah beliau boleh terus memainkan peranan untuk dunia Islam. Selain itu, Dr Mahathir harus lebih mengenali diri beliau sendiri lebih daripada orang lain. Beliau tidak harus bersara. Saya tidak fikir Dr Mahathir boleh bersara, apatah lagi dengan personaliti sepertinya, kerana beliau sudah menjadi seperti 'harta awam' (derai ketawa). Beliau tidak

boleh bersara, (sebaliknya) perlu terus memberi sumbangan.

SOALAN: Anda sendiri telah beberapa kali mengatakan negara Islam perlu bekerjasama dan berkongsi sumber khususnya bagi membanteras kemiskinan dan buta huruf. Bagaimanapun, lazimnya kebanyakan negara Islam hanya pandai berkata-kata tanpa tindakan. Adakah ini mengecewakan anda?

MUSHARRAF: Memang benar. Saya percaya OIC ada kalanya tidak punya wang untuk membayar gaji. Saya tidak tahu sama ada itulah hakikatnya tetapi itulah yang saya percaya. Kemudian, dalam bidang pendidikan yang sebenarnya amat penting, masyarakat kita barangkali adalah yang tertinggi dari segi kebutaan huruf di dunia. Kita tidak memiliki sumber secukupnya, bukan hanya untuk pendidikan tetapi sektor sosial keseluruhannya. Jika apa yang disasarkan ke arah 'kesederhanaan secara sedar' (enlightened moderation) adalah untuk membebaskan diri kita, maka kita memerlukan sumber. Saya percaya kita perlu menyumbang peratusan kecil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk tujuan itu. Saya menghitung secara kasar jumlah KDNK umat Islam ialah kira-kira AS\$1,200 bilion. Jika mereka bersedia menyumbang 0.1 peratus, jumlahnya ialah AS\$1.2 bilion. Jika 0.05 peratus pula, jumlahnya AS\$600 juta. Mereka mempunyai wang. Sekalipun hanya 0.02 peratus, antara AS\$200 juta hingga AS\$300 juta dapat dihimpun.

SOALAN: Kenapakah pada pandangan anda, mereka tidak melakukannya?

MUSHARRAF: Satu daripada sebabnya, OIC secara strukturnya tidak disasarkan untuk berjaya. Ini kerana apabila seseorang mahu melabur wangnya dalam sesuatu, mereka mengharapkan pulangan. Barangkali mereka tidak melihat pulangan itu. Kerana itulah, kita perlu menukar struktur OIC supaya ia lebih dinamik dan berorientasikan pulangan. Hanya sesudah itu orang akan lebih terdorong untuk menyumbangkan wang kerana pulangannya akan turut dinikmati mereka.

SOALAN: Mengenai kedudukan ibu pejabat (OIC), perlukah ia dipindahkan ke lokasi lebih mudah dikunjungi seperti di Dubai?

MUSHARRAF: Apabila kita membincangkan suruhanjaya OIC yang saya cadangkan, biarlah suruhanjaya itu memutuskan apa yang harus dilakukan sambil saya terus bercakap mengenai dana dan ibu pejabat.

SOALAN: Anehnya, OIC yang menyediakan platform bagi negara Islam untuk bersatu padu, tetapi perpaduan masih tidak dapat dicapai dalam organisasi ini. Apa yang perlu dilakukan untuk menangani masalah ini?

MUSHARRAF: Benar, perpaduan ummah amat dituntut dalam pada kita mendepani keadaan kritikal sekarang. Sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab kita semua kepada agama kita untuk menonjolkan imej yang tepat mengenai Islam kepada masyarakat luar di samping memahaminya dengan sepenuh kesedaran di kalangan kita. Saya amat bersetuju bahawa perpaduan ummah memang diperlukan.

SOALAN: Dalam temu bual di Rawalpindi tahun lalu, anda menekankan perlunya negara Islam untuk lebih fokus dan saling membantu. Saya percaya ia masih menjadi pendirian anda. Bagaimanapun, disebabkan tiada apa yang berlaku, apa dan bagaimanakah negara-negara ini boleh saling membantu?

MUSHARRAF: Pada abad ke-21 ini, perpaduan dan penggabungan lebih condong kepada geo-ekonomi - sektor ekonomi dan perdagangan di kalangan ummah. Ketika ini hanya wujud dua peratus perdagangan di kalangan ummah sedangkan perdagangan dan perniagaan benar-benar menghubungkan negara. Sikap tolong-menolong melalui perniagaan dan perdagangan di kalangan kita juga akan merapatkan kita. Jadi, perpaduan juga boleh diterapkan melalui ekonomi dan perdagangan.

SOALAN: Pencerobohan Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, di samping situasi di Palestin hari ini mungkin tidak berlaku jika negara Islam, khususnya OIC, bersatu padu. Adakah ini andaian yang betul?

MUSHARRAF: Ia banyak bergantung kepada apakah bentuk perpaduan yang diperkatakan dan sama ada perpaduan seperti itu masih boleh dibentuk di

antara semua negara Islam dalam keadaan sekarang. Tetapi teori 'kesederhaan secara sadar' yang saya cadangkan bukanlah menerusi pendekatan konfrontasi. (Sebaliknya), ia mengamalkan pendekatan pendamaian... pendekatan penyelesaian. Kami rasakan apabila kami bercakap mengenai Israel dan Palestin, dan saya juga ingin menambah terutama apa yang berlaku di Iraq dan Afghanistan, kami rasakan bahawa terdapat terlalu banyak keganasan dan kebencian di seluruh dunia.

Tindakan ketenteraan disaksikan berlaku di Iraq, Afghanistan atau Palestin. Maka, kita perlu melakar strategi untuk manfaat dunia selain daripada Dunia Islam itu sendiri. Ada dua hala cara - satu ialah pendekatan berkonfrontasi yang memerlukan kita bertindak balas secara agresif juga terhadap apa yang kita saksikan. Adakah itu cara lebih baik untuk bertindak balas? Atau cara tindak balasnya ialah dengan kita berdamai sambil melakar strategi yang boleh memenangkan kedua-dua pihak? Di satu pihak, kita selesaikan pertikaian politik kita dan mengusahakan kebebasan umat Islam dan membawa keamanan kepada dunia. Maka, saya rasa pendekatan berkonfrontasi tidak akan menyelesaikan masalah yang kita hadapi.

SOALAN: Apakah pandangan anda mengenai pendekatan Amerika dalam memerangi keganasan? Adakah Suruhanjaya Tiga Pihak yang diumumkan untuk memerangi keganasan akan membantu?

MUSHARRAF: Ya, ia membantu. Ini sebuah badan penyelarar. Kita sedang memerangi keganasan (dan) ini hanyalah untuk menyelarar tindakan kerana kita beroperasi di Pakistan, tentera Afghanistan dan tentera Amerika Syarikat pula beroperasi di Afghanistan. Disebabkan penyelararan adalah perlu dan juga permusuhan yang dihadapi, menyelarar operasi dan mengelak salah faham... itulah sebab penubuhan suruhanjaya tiga pihak ini.

SOALAN: Sebagai pemimpin sebuah negara Islam yang besar, bagaimana anda menghadapi ulama yang berpandangan tidak selari dengan kepentingan agama dan yang mengeksploitasi Islam untuk tujuan politik dengan mendakwa parti mereka mewakili Islam sebenar? Adakah anda juga menghadapi masalah itu?

MUSHARRAF: Ya, ini memang benar. Pertama, kita mulakan dengan hakikat bahawa umat Islam semuanya beremosi. Setiap Muslim sebenarnya emosional. Maka, tiada siapa harus mendakwa bahawa dia adalah seorang Muslim lebih baik dari yang lain. Hanya Allah mengetahui siapakah Muslim yang lebih baik, tambah pula ada huqooq Allah (fardu ain) dan huqooq al ibad (fardu kifayah). Mereka ini, pada pendapat saya, hanya mengutamakan fardu ain dan bahagian yang lebih payah, iaitu fardu kifayah, diabaikan. Huqooq Allah adalah tanggungjawab seseorang terhadap Pencipta-nya, manakala huqooq al ibad adalah tanggungjawab sesama manusia, kepada masyarakat dan persekitaran. Anda lebih rapat kepada mereka yang di sekeliling anda yang mempunyai kesan lebih besar kepada masyarakat. Saya telah memberi banyak temubual dan merumuskan bahawa dunia mempunyai empat masalah dengan Islam. Pertama, mereka berpendapat barangkali Islam menggalakkan ekstremisme, militan dan tidak bertimbang rasa. Kedua, Islam berkonflik dengan demokrasi serta kononnya Islam berkonflik dengan sekularisme dan moralisme. Masalahnya ialah kita harus melihat kepada diri sendiri daripada kecenderungan menyalahkan orang lain. Apakah yang kita lakukan dan apakah yang ingin kita tunjukkan? Kita menunjukkan apa yang berlawanan. Pada ketika kita sepatutnya menyedarkan ramai terhadap Islam, sebaliknya apa yang kita tunjukkan kepada dunia adalah berlawanan. Kita menyerlahkan kegiatan militan, ekstremisme dan tidak bertimbang rasa. Jadi, apa yang ditonton ramai melalui televisyen, berlawanan dengan apa yang kita katakan. Maka, Dunia Islam perlu melakukan sesuatu agar dunia luar memahami bahawa semua itu bukanlah Islam sebenar.

SOALAN: Tuan Presiden, anda dan Dr Mahathir mempunyai pandangan sama dalam hal ini tetapi kita berdepan dengan golongan 'obscurantist'.

MUSHARRAF: Apabila kita bercakap mengenai keperluan menstrukturkan semula OIC, kami sudah merumuskan pandangan untuk diserahkan kepada suruhanjaya OIC kemudian. Satu daripada perkara amat penting ialah Jabatan Pemikiran Islam yang perlu dibentuk dengan dianggotai tokoh dan sarjana Islam yang berpegang kepada ajaran Islam sebenar, bukan sebaliknya. Kita perlu mendapatkan mereka yang berkelayakan... yang benar-benar memahami kehendak Islam sebenar. Mereka inilah nanti yang akan membincangkan isu dan membuat rumusan tertentu. Baik saya atau mana-mana pemimpin di Malaysia mahupun di mana saja di dunia ini, boleh berpandukan kepada hujah mereka ini untuk memperkukuhkan apa yang ingin mereka lakukan di negara mereka. Jika saya mengatakan sesuatu ketika ini, mereka mungkin mengatakan saya tidak Islamik, manakala orang ini begini dan orang itu pula begitu. Tetapi apabila sekumpulan orang berpengetahuan dan berilmu dari OIC menyatakan sesuatu, ia akan diterima baik dan saya sendiri boleh menggunakannya untuk menidakkan mereka yang berpandangan berbeza.

SOALAN: Tuan Presiden adalah ketua satu-satunya negara Islam yang memiliki senjata nuklear. Adakah keadaan ini menjejaskan hubungan dengan negara jiran dan bagaimana pula pandangan Barat mengenainya? Amerika nampaknya tidak gembira bahawa anda, seorang berpangkat jeneral, mengawal kotak hitam. Adakah benar anda atau tidak?

MUSHARRAF: Saya tidak beranggapan Amerika tidak menyenangnya. Benar kami adalah satu-satunya negara Islam yang memiliki senjata nuklear. Tidak perlulah saya menyorot sejarah mengapa ia sedemikian. Dan memang benar ia menimbulkan kebimbangan kepada dunia. Kebimbangan dunia ialah ia akan bertambah meluas. Kebimbangan dunia juga ialah bahaya yang berkemungkinan daripada penggunaan senjata bukan konvensional. Dalam kedua-dua perkara ini, pendirian kami amat jelas dan kami sedang berusaha mententeramkan dunia (terhadap kebimbangan mereka). Jaminan yang boleh saya berikan ialah kami tidak membiakkan senjata nuklear. Seluruh aset kami dikawal rapi dan tiada kemungkinan ia boleh dimiliki oleh pihak yang tidak sepatutnya dan aspek penggunaannya tidak pun boleh dibayangkan. Lantaran itulah juga, kami mengambil pelbagai langkah dengan India untuk menyusuri haluan keamanan. Saya berpendapat jika keamanan yang dihajati di samping menyelesaikan pertikaian antara kami, ia akan mengetepikan sebarang kemungkinan penggunaan sebarang senjata. Kami tidak pun boleh memikirkan untuk menggunakannya. Jadi, inilah yang kami cuba lakukan di sebalik kami menyedari kebimbangan dunia mengenainya.

SOALAN: Inisiatif ke arah hubungan baik antara Pakistan dan India telah diikuti dengan pengenalan semula perkhidmatan bas dan perbincangan juga sedang diadakan untuk menyambung semula hubungan udara. Pemimpin perniagaan dari kedua-dua negara turut mengambil peluang daripada pemulihan hubungan ini. Kami juga membaca laporan bahawa India menawarkan status 'negara keutamaan' kepada Pakistan, yang membenarkan import dari Pakistan mendapat duti kastam yang rendah. Adakah Pakistan bercadang mengambil langkah serupa terhadap India?

MUSHARRAF: Kami sudah memperbaiki hubungan dengan India dan itu tidak harus diragui. Lebih-lebih lagi, ia menjejaskan pembangunan di rantau ini, iaitu rantau Asia Selatan. Kami berusaha melakukan yang terbaik. Kami tidak melihat kepada kemungkinan hubungan antara kedua-dua negara diperbaiki sedikit demi sedikit pada ketika sebab utama pertikaian, kebencian dan keganasan tidak ditangani. Ia tidak realistik. Kami sudah banyak kali mencubanya sebelum ini. Setiap kali itulah ia gagal kerana kami akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak rakyat, majoriti besar rakyat Pakistan. Kerana itulah, kami menyatakan marilah kita tangani semua isu dan bergerak ke arah menyelesaikan pertikaian. Tanpa menanganinya, sebab-sebab kebencian - anda tahu kami saling berbunuhan merentasi Line of Control (garis kawalan) setiap hari - tidak

mungkin kami boleh saling berbaik-baik apabila kebencian dibiarkan terus bersarang.

SOALAN: Amerika sedang berusaha untuk merapatkan anda berdua. Apakah usaha mereka akan membawa kelainan?

MUSHARRAF: Ya, mereka mencuba dan saya boleh katakan mereka harus mencuba dengan lebih gigih. Malah, semua orang hendaklah mencuba dengan lebih gigih juga demi keamanan di rantau ini dan juga kebimbangan dunia.

SOALAN: Adakah India dan Pakistan telah sampai ke peringkat `tiada siapa menang' dan apakah pula tindak balas anda terhadap perjanjian tiga pihak membabitkan India, Russia dan Israel, khususnya berhubung pengeluaran AWACS dan senjata lain?

MUSHARRAF: Terdapat situasi `no-win' (tiada siapa menang) ketika ini. Itulah keadaannya selama ini, dalam sejarah kedua-dua negara. Kami akan mengekalkan situasi `no-win' ini walau apa pun terjadi dan baik dunia mahupun India harus ambil maklum. Mereka sudah mencapai persetujuan dan kami akan melawannya. Itulah yang perlu diperjelaskan. Kami tidak sekali-kali akan membenarkan situasi `no-win' ini daripada diganggu-gugat.

SOALAN: Dalam isu Kashmir, apakah tindakan anda seterusnya? Apakah yang melengah atau mempercepatkan rundingan damai antara kedua-dua negara?

MUSHARRAF: Buat ketika ini, ia dilengahkan secara berterusan. Saya ingin menyatakan ia jelas dilengahkan oleh India. Kami sedang melakukan segala yang terdaya untuk mempercepatkannya dan kini langkah berikutnya. Kami sudah mengambil banyak langkah hingga saya rasa sudah kehabisan ikhtiar (derai ketawa). Saya sudah mencadangkan gencatan senjata di LOC (garis kawalan), saya juga menyarankan agar gencatan senjata diperluaskan di lembah berkenaan.

Sebagai perubahan, mereka sudah menghentikan kekejaman, operasi ketenteraan. Ini disusuli proses dialog dan kami mula mengorak langkah ke arah itu. Tetapi saya perlu menyatakan tindak balas kepada semua ini agak mengejutkan dan bukan sesuatu yang difahami. Dalam pada itu, kesabaran juga ada hadnya. Jika itulah yang dimahukan India, biarkanlah mereka. Kami sedang berusaha sebaik mungkin untuk mengorak langkah ke depan.

SOALAN: Apakah pandangan anda mengenai situasi di Iraq sekarang? Jelas sekali keadaannya tidak menjadi lebih baik bagi Amerika. Nampaknya Amerika tiada pilihan lain tetapi terus bertahan di situ. Pada pandangan Presiden, adakah kemajuan dalam perang terhadap keganasan? Amerika kini sedang memujuk Presiden dan Perdana Menteri, Mir Zafarullah Khan Jamali, untuk menghantar pasukan pengaman ke Iraq. Dapatkah Tuan Presiden membendung pujukan dan tekanan mereka?

MUSHARRAF: Tidak... tiada tekanan atau pujukan. Mereka mahukan bala tentera, mereka sudah memintanya dan kami sedang mempertimbangkannya. Kami sudah menyatakan sebab-sebab berkaitan asas persekitaran yang diperlukan untuk kami menimbang menghantar pasukan tentera kerana orang ramai di sini menentanginya. Kami tidak boleh mengabaikan mereka dengan menghantar pasukan tentera, bertentangan dengan kehendak rakyat Pakistan. Tidak langsung terdapat tekanan dalam soal ini, malah tiada juga paksaan. Kami sudah menyatakan secara dasarnya untuk bersetuju tetapi kami mahukan satu resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi mandat kepada beberapa negara Islam lain agar turut serta. Tidak tahulah kalau Malaysia mahu turut serta. Pasukan tentera dari negara-negara Islam ini hendaklah ke sana sebagai sebahagian dorongan atau permintaan rakyat Iraq yang mengalu-alukan pasukan ini demi kebajikan rakyat. Kami tentunya tidak mahu ke sana sebagai memanjangkan pendudukan kerana kami tidak akan berupaya melaksanakan tanggungjawab kami. Maka, persekitaran berbeza perlu lebih dulu diwujudkan dan hanya dalam persekitaran seperti itulah, kami akan ke sana.

SOALAN: Amerika juga sedang berusaha memujuk tentera India dihantar ke

Iraq manakala Turki sudah bersetuju. Pendirian Malaysia ialah ia akan menyertainya jika ia mendapat mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Adakah Presiden percaya hanya pengaman Islam harus dihantar ke Iraq?

MUSHARRAF: Tidak. Dalam konteks terdekat ini, adalah tidak realistik untuk memikirkan semua orang harus meninggalkan Iraq untuk digantikan oleh tentera Islam. Sebaliknya, tentera Islam harus beransur-ansur ke sana jika dipersetujui sebagai strategi bahawa Iraq hendaklah dikembalikan kepada rakyat dan kerajaan Iraq. Dalam strategi sedemikian, barangkali mereka selain dunia bukan Islam harus keluar lebih dulu, disusuli oleh kita kemudian.

SOALAN: Jadi, anda hanya akan menghantar pasukan pengaman jika dipersetujui rakyat dan dipimpin PBB?

MUSHARRAF: Sebenarnya saya tidak bercakap mengenai perintah PBB tetapi mandat Majlis Keselamatan. Ia perlu dimandatkan.

SOALAN: Rakyat Pakistan dan Malaysia bimbang dengan ketidakadilan yang dilakukan terhadap orang Islam di mana mereka menjadi mangsa keganasan negara tanpa pembelaan sewajarnya. Jelas sekali, ini meletakkan Tuan Presiden dalam kedudukan yang sukar, memandangkan hubungan akrab anda dengan kerajaan Amerika. Apakah jawapan anda kepada keadaan ini?

MUSHARRAF: Saya cuba merasionalkan dalam pemikiran saya, dengan cara saya sendiri, apakah dia keganasan dan takrif sebenar keganasan. Saya ingin menegaskan pandangan saya. Saya percaya apabila anda melihat simptomnya, seseorang individu atau kumpulan membunuh orang lain, ia adalah perlakuan ekstremis tetapi saya tidak akan serta-merta menganggapnya perlakuan keganasan. Sesiapa saja membunuh sesiapa yang lain atas apa sebab pun, itu adalah perlakuan ekstremis. Tetapi jika anda berhenti setakat itu, anda tidak akan ke mana-mana. Anda perlu mengenal pasti puncanya.

Orang bukan gila dan mahu membunuh orang lain tanpa sebab. Kenapa perlunya mengambil langkah ekstrem ini untuk membunuh orang lain dalam proses itu menyebabkan diri sendiri terbunuh? Apabila anda mengenal pasti puncanya, anda akan dapat membezakan siapakah sebenarnya pengganas. Adakah orang ini pengganas? Adakah ekstremis ini pengganas? Kemudian anda berdepan pula isu keganasan negara dan keganasan individu. Dalam pada itu, ada resolusi Majlis Keselamatan PBB yang diluluskan mengenai pertikaian dan individu yang berjuang untuk melaksanakan resolusi berkenaan. Kita perlu melihat apa yang mendorong perlakuan keganasan. Barangkali saya boleh menganggap mereka semua ekstremis tetapi keganasan harus ditakrif dalam konteks puncanya dan bukan simptom.

SOALAN: Ini serupa dengan apa yang pernah diperkatakan Dr Mahathir, iaitu kita perlu mengenal pasti puncanya, tetapi ini diabaikan.

MUSHARRAF: Apabila kita memperkatakan kesederhanaan secara sedar, kita bercakap mengenai strategi serampang dua mata di mana dunia Islam perlu menolak ekstremisme dan tindakan ketenteraan. Satu cabang lagi ialah menyelesaikan semua pertikaian politik. Jadi, strategi enlightened moderation ini adalah satu strategi 'menang-menang' yang boleh diterima oleh semua. Kita perlu kepada satu strategi yang dapat diterima semua dan memenangkan semua. Kita tidak boleh memiliki satu strategi berat sebelah kerana ia hanya akan menyebabkan pertentangan.

SOALAN: Adakah Pakistan akan mengiktiraf Israel?

MUSHARRAF: Kami memiliki dasar di mana perkataan "Israel" itu sendiri menjadi pantang besar. Saya membenarkan perbincangan mengenainya kerana banyak yang berlaku di dunia. Kami sudah sampai ke satu peringkat di mana jika kami tidak segera bangun dan menyelesaikan pertikaian politik, ia akan membawa kepada lebih banyak bencana di dunia. Jadi, saya sudah memberitahu semua pemimpin Barat, saya sudah memberitahu Presiden George W

Bush, bahawa kegagalan menyelesaikan isu Palestin bukanlah satu penyelesaian. Pakistan akan terus mengawasi perkembangan dan sambil proses damai terus berjalan, kami perlu terus menilai dasar terhadap Israel. Kami tidak boleh terus melompat kepada rumusan untuk mengiktiraf dan mewujudkan hubungan diplomatik. Kami perlu mengambil pelbagai langkah untuk terus melangkah ke depan. Kesudahannya ia akan ditentukan oleh rakyat Pakistan sendiri dan kami perlu mendapatkan konsensus.

SOALAN: Jika Pakistan menjalin hubungan dengan Israel, adakah ia akan disusuli dengan hubungan diplomatik Israel dengan negara Islam lain?

MUSHARRAF: Kami perlu terus menilainya dan ia perlu melangkah ke depan. Dripada apa yang kami percaya, ia sudah sampai ke peringkat di mana penerimaan kedua-dua negara, Palestin dan Israel, harus ada.

SOALAN: Presiden Hamid Karzai membuat rayuan kepada imam di Afghanistan supaya memujuk rakan mereka di Pakistan supaya berhenti menghantar pelajar agama mereka ke Afghanistan untuk menentang pentadbirannya. Difahamkan, ada imam di sekolah agama di Pakistan mengajar pelajaran muda Afghan, termasuk dari Malaysia, kononnya mereka mempunyai tanggungjawab untuk berjihad. Apakah tindakan anda mengenainya dan penyebaran pergerakan Wahabi?

MUSHARRAF: Ya, inilah isu teras yang perlu ditangani dunia Islam. Berkaitan kenyataan Presiden Karzai, ia adalah komen yang adil. Saya sudah nyatakan bahawa kerajaan kami tidak menggalakkan apa-apa. Kami memerangi keganasan tetapi terdapat mereka yang bersimpati yang mahu kami mengubah dasar ini tetapi mereka terbatas kepada jumlah yang kecil. Di Pakistan, kami akan bertindak ke atas sesiapa saja, di kalangan bukan rakyat Pakistan di sini yang tidak memiliki dokumen perjalanan sah, atau mereka yang memiliki dokumen sedemikian tetapi perlakuan mereka bertentangan dengan kepentingan nasional. Kami menahan adik Hambali di Karachi dan juga 19 atau 20 orang dari Malaysia. Ia sesuatu yang malang tetapi kami perlu menangani isu militan dan ekstremis di dunia Islam dan mengamalkan strategi serampang dua mata ini.

Mereka menyebabkan kekacauan kerana pertikaian politik, kemiskinan dan kurang pendidikan. Isu pembebasan daripada kemiskinan, pendidikan, kebuluran dan kesihatan - semuanya perlu ditangani. OIC perlu diperbaharui dan kita juga boleh meminta bantuan Barat. Pertama, selesaikan pertikaian politik dan kedua, bantu kita membasmi kemiskinan, kebuluran, buta huruf dan mereka bersedia untuk melakukannya. Maka, marilah kita rumuskan strategi 'menang-menang' untuk dunia kerana tanpanya, kita tidak akan berjaya. Kita adalah sebahagian dunia tetapi kita juga adalah sebahagian dunia yang lebih luas amnya. Kita bukan hidup dalam vakum, maka kita tidak boleh mengamalkan pendekatan pertentangan. Kita hendaklah mengamalkan pendekatan berdamai yang boleh memenangkan kedua-dua pihak. Itulah cara untuk kita melangkah ke depan.